



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/10/2019	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tarif baharu air masih dibincangkan

FOTO: ROSLI TALIB

Akan umum selepas berbincang dengan kerajaan Pusat

NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES

Kadar tarif baharu air Selangor akan diumumkan apabila tiba masanya, kata Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Amirudin berkata, perkara itu akan diputuskan selepas perbincangan dengan kerajaan Pusat dimuktamadkan.

"Belum ada (perkembangan). Kalau ada kita akan umumkan. Saya janji kita umum, kita umumkan apabila tiba masanya.

"Ada baiknya tarif air itu dilakukan serentak dengan kerajaan Pusat namun air masih di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kita akan lihat kesesuaiannya," katanya



Amirudin (kiri) pada Majlis Pelancaran 'Be A Water Conservation Warrior' Kempen Jimat Air di Padang Awam Batu Caves semalam.

selepas Majlis Pelancaran 'Be a Water Conservation Warrior' Kempen Jimat Air di Padang Awam di sini semalam.

Sebelum ini pada Jun lalu, Amirudin memaklumkan kerajaan negeri masih menunggu keputusan kerajaan Pusat berhubung kadar tarif air di negeri itu.

Bagaimanapun, Amirudin memberi jaminan kadar baharu itu adalah mengikut kesesuaian de-

ngan kemampuan rakyat.

Dalam perkembangan sama, Amirudin bercadang memperkenalkan insentif baharu sebagai membudayakan penjimatan air dalam masyarakat pada Belanjanan 2020 Selangor.

"Mungkin saya boleh tengok beberapa fokus dalam belanjanan nanti supaya ada insentif tambahan dan sebagainya untuk galakkan penjimatan air.

"Pertandingan poster dan video menawarkan

info

Tarif air semasa di Selangor adalah pada kadar RM1.39 semeter padu sejak 2006.

hadiah sehingga RM200,000 oleh Air Selangor adalah usaha galakkan jimat air supaya menjadi satu budaya dalam komuniti dan masyarakat," katanya.